

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Bertulis

**DARIPADA** : Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah  
[ Kuala Terengganu ]

**SOALAN** : Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah minta  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan nama-nama syarikat yang telah dikeluarkan lesen penangkapan ikan laut dalam.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga kini Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah mengeluarkan sebanyak 738 lesen vesel laut dalam (C2) kepada 227 buah syarikat yang telah berdaftar. Syarikat akan dilesenkan setelah didapati menepati syarat dan kriteria yang ditetapkan dan akan diaudit dari masa ke masa. Pecahan bilangan syarikat dan vesel laut dalam mengikut negeri adalah seperti berikut:

BIL	NEGERI	SYARIKAT	
		BIL SYARIKAT	BIL VESEL
1	Kelantan	83	292
2	Terengganu	20	44
3	Pahang	20	45
4	Johor	16	78
5	Selangor	0	0
6	Perak	3	7
7	Kedah	1	2
8	Perlis	9	11
9	Sarawak	56	184
10	W.P Labuan	6	24
11	Sabah	13	51
	<b>JUMLAH</b>	<b>227</b>	<b>738</b>